

MP menang 30 kerusi

Serdang: Kumpulan Mahasiswa Putra (MP) Universiti Putra Malaysia (UPM) terus mendapat mandat besar dalam Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2014/2015 dengan memenangi 30 daripada 45 kerusi dipertandingkan semalam.

Kumpulan Pro Mahasiswa (Pro M) pula memenangi 15 kerusi berbanding 11 kerusi pada pemilihan sebelum ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata jumlah pelajar bertanding kali ini adalah paling tinggi dengan 52 calon bersaing bagi merebut 11 kerusi umum manakala 81 calon bagi 34 kerusi fakulti.

Dua menang tanpa bertanding

Katanya, hanya dua kerusi fakulti diumumkan menang tanpa bertanding di Fakulti Pertanian dan Sains Makanan, kampus Bintulu.

Beliau berkata, peningkatan ketara jumlah pelajar yang menawarkan diri sebagai calon MPP itu petanda positif semakin ramai pelajar universiti itu memiliki jati diri dan keyakinan tinggi untuk mengentengahkan prinsip perjuangan masing-masing menerusi saluran yang betul.

“Sebelum ini, agak susah mendapatkan calon bertanding dalam pemilihan MPP,” katanya pada sidang media Pemilihan MPP UPM 2014/2015 di sini, semalam.